

26/02/2001

Hotel kaut untung hasil penganjuran sukan akan dicukai

JOHOR BAHRU, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang mengkaji untuk mengenakan levi atau cukai tertentu terhadap pengusaha hotel yang mengaut keuntungan besar daripada penganjuran perlumbaan bertaraf dunia di negara ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu kerana kerajaan bimbang tindakan pengusaha hotel menaikkan kadar sewa bilik ke paras tertinggi akan menjejaskan kedatangan pelancong dan peminat sukan permotoran dari luar negara.

Katanya, hotel dan industri pelancongan adalah sektor yang mendapat keuntungan secara langsung, sedangkan pengusahanya tidak memberikan sebarang sumbangan untuk menjayakan perlumbaan itu.

Beliau berkata, hotel-hotel di negara ini menaikkan kadar sewa bilik ke paras tertinggi sehingga membolehkan pengusahanya mengaut keuntungan besar setiap kali perlumbaan bertaraf antarabangsa diadakan.

"Mungkin kita perlu adakan satu bentuk levi atau cukai kerana mereka ini (hotel) untung. Sekarang ini, untuk (Petronas) Formula 1 (Grand Prix) di Sepang (Mac depan), hotel sudah habis ditempah.

"Hotel-hotel besar ini (mengenakan sewa) mahal pula, (kerajaan bimbang), ia akan menjejaskan kehadiran (penonton dan peminat F1 dari luar negara)," katanya dalam sidang media selepas menyaksikan perlumbaan akhir Grand Prix Powerboat Formula 1 (F1) Malaysia di Tanjung Puteri, di sini hari ini.

Turut hadir dalam sidang media itu, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

Ditanya mengenai penajaan untuk pasukan Malaysia, Perdana Menteri berkata syarikat besar harus tertarik untuk menajanya kerana mereka akan mendapat publisiti besar-besaran daripada perlumbaan bertaraf dunia itu.

Menurutnya, pada hari ini saja, lebih 500 juta orang menyaksikan perlumbaan akhir Grand Prix Powerboat F1 Malaysia di Tanjung Puteri menerusi siaran langsung yang dipancarkan ke seluruh dunia.

Malah, katanya penaja akan mendapat banyak manfaat kerana selepas melihat perlumbaan itu, penonton di luar negara akan berminat untuk datang melihat sendiri negara ini.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin banyak lagi syarikat akan berminat untuk menaja pasukan Malaysia kerana mereka akan mendapat manfaat daripada iklan dan sebagainya.

Bagaimanapun, katanya, sementara kerajaan dan rakyat bergembira kerana banyak perlumbaan diadakan di negara ini, syarikat besar mungkin menghadapi kesukaran untuk menjadi penaja kerana terlalu banyak perlumbaan diadakan di negara ini.

"Kita ada (Petronas) F1 Grand Prix di Sepang, Le Tour de Langkawi dan F1 Powerboat dan banyak lagi perlumbaan yang masing-masing memerlukan penajaan, jadi teruklah sikit orang yang hendak menaja.

"Namun, kita dapati syarikat-syarikat besar di Malaysia ini begitu berminat sekali untuk menyokong aktiviti ini," katanya.

Mengenai perlumbaan akhir Powerboat hari ini, Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana promoter pertandingan itu, Union Internationale Motonautique (UIM) berpendapat ini adalah satu daripada perlumbaan terbaik yang pernah disaksikannya.

"Jadi nampak di Malaysia, kebolehan kita untuk menganjurkan perlumbaan macam ini memang pun baik. F1 di Sepang pun sudah dua tahun berturut-turut dianggap perlumbaan terbaik.

"Ini pun (Powerboat) baru kali pertama kita anjurkan, dan nampaknya mereka (promoter) hargai (keupayaan) penganjur (H2O Sports Sdn Bhd)," katanya.

Ditanya sama ada pasukan Malaysia akan bertanding dalam sirkit Powerboat sepanjang tahun ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu mengkaji bagaimana untuk menyediakan sumber kewangan kepada pasukan terbabit.

Katanya, pasukan itu memerlukan banyak wang kerana mereka perlu menghabiskan banyak masa untuk berlumba dan menjelajah ke banyak tempat termasuk ke Brazil selepas perlumbaan di Tanjung Puteri ini.

(END)